



Integriti era Malaysia Baharu cakap tak serupa bikin?

Dikemas kini 7 bulan yang lalu · Diterbitkan pada 29 Nov 2019 5:39PM · 0 Komen

Guia Invest
XXXX3: a Small Cap de 2020
ABRIR



RABU 9 Mei, 2018 menjadi titik bersejarah buat tanah air tercinta serta segenap warga negaranya.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memegang tampuk pemerintahan negara selama lebih 60 tahun lemas dalam “Gelombang Rakyat” yang sudah terlalu mual dengan defisit integriti dan skandal kleptokrasi mega yang ditonjolkan.

Daripada kes-kes pecah amanah pada peringkat kepimpinan tertinggi, sehinggalah isu penyelewengan dana sejumlah RM10,142 yang diperuntukkan kepada Program Strategik Lautan Biru Kebangsaan oleh Exco BN Sungai Rambai, Hasan Abd Rahman menjelang Pilihan Raya Umum ke-14.

Lantas rakyat memilih kerajaan Pakatan Harapan (PH) dengan “harapan” mereka akan merawat defisit integriti tersebut dan memulihkan imej negara di persada dunia. Harapan rakyat, seperti kata-kata perdana menteri, agar Malaysia dikenali sebagai negara integriti dan bukannya negara rasuah.

Sehingga kini, kira-kira sudah lebih 80 kali hari Rabu berlalu. Persoalannya, sejauh manakah harapan rakyat ini direalisasikan?

Jika kita imbas, seawal PH mengambil alih, mereka tidak sunyi daripada pelbagai isu integriti yang dilakukan oleh mereka sendiri.

Misalnya, tuduhan salah laku dan rasuah ke atas pegawai menteri pertahanan, setiausaha politik menteri pertanian dan skandal RM1.4 bilion bidaan yang diberikan kepada pihak yang mempunyai hubungan dengan beliau sehingga dikatakan sebagai punca kepada pemindahan KSU kementerian tersebut, tuduhan ke atas menteri belia dan sukan berhubung pemberian kontrak berjumlah RM7 juta dan pelbagai kes penipuan kelayakan akademik.

Dalam tuduhan ke atas YB Syed Saddiq misalnya, beliau membuat penjelasan tegas di Parlimen sehingga bersumpah dengan nama Allah yang beliau akan meletakkan jawatan jika disabitkan oleh bersalah oleh SPRM dengan tuduhan tersebut.

Biar apa pun tuduhan serta isu yang berlaku, terdapat beberapa perkara yang lebih besar yang mesti dinilai. Antaranya sejauh manakah kejayaan atau keberkesanan kerajaan PH dalam memastikan yang persepsi atau usaha memerangi isu integriti di Malaysia.

Senado Federal - Analist



12x de R\$54.90
Senado Federal -
Analist
Gran Cursos Online



Terdapat beberapa perkara dasar yang baik dan jelas. Pertama, pemerkasaan SPRM dan pemantapan usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Antaranya penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) pada 1 Jun, 2018 bagi merancang dan menasihati kerajaan dalam hasrat memerangi rasuah.

Inisiatif ini menggambarkan iltizam utuh kerajaan dalam merawat barah integriti yang sudah parah. Menerusi GIACC, pengenalan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi menggantikan pelan-pelan integriti sebelum ini bakal memperlihatkan era baharu memerangi rasuah.

Sebagai pelan yang lebih holistik, NACP mengandungi lebih 100 inisiatif yang tidak hanya memerangi rasuah secara terus seperti pemerkasaan kuasa pemantauan dan siasatan SPRM. Tetapi turut menitikberatkan soal pendidikan dan pembersihan setiap institusi kerajaan daripada defisit integriti.

Malah, pindaan yang memasukkan Seksyen 17A Akta SPRM memperuntukkan liabiliti korporat kepada syarikat yang gagal mengambil “langkah-langkah yang wajar” bagi memerangi rasuah. Ini perkembangan yang sangat progresif dan positif.

Pindaan akta sedemikian mampu meningkatkan penyertaan dan akauntabiliti sektor swasta dalam memerangi rasuah secara dalaman sekali gus mewujudkan tekanan antara pemain-pemain sektor swasta untuk mewujudkan mekanisme semak dan imbang pada peringkat dalaman sektor tersebut.

Namun, soal ketelusan, kejujuran dan integriti sebuah negara bangsa tidak boleh hanya bergantung harap kepada iltizam ahli politik yang sifatnya sangat bermusim.

Ahli politik acapkali melanggar janji sendiri demi kepentingan peribadi dan untuk meraih undi. Terdapat beberapa tindakan yang membuktikan perkara ini. Misalnya, pelantikan Latheefa Koya sebagai ketua pesuruhjaya SPRM tanpa melalui pengesahan oleh Jawatankuasa Pemilihan Parlimen dalam Pelantikan Awam Utama bercanggah dengan manifesto PH.

Lantikan ini dilakukan atas dasar reformasi institusi. Namun, wujud fenomena yang membimbangkan setelah pelantikan ini dilakukan. Antaranya, pengguguran kes SPRM yang berprofil tinggi seperti kes Lim Guan Eng, dan kes penyalahgunaan dana RM1.5 bilion di Sabah oleh Shafie Apdal.

Pengguguran dan ketiadaan ketegasan dalam kes ini dilihat sebagai kesan langsung daripada pelantikan tersebut. Kita tidak pasti sejauh manakah benarnya dakwaan sedemikian.

Namun, politik, integriti dan pentadbiran kerajaan sangat berkait rapat dengan persepsi dan pandangan umum. Ia tidak boleh diketepikan sama sekali. Sudah tentu insiden sebegini memberi imej yang buruk kepada sebuah suruhanjaya yang sepatutnya bebas daripada sebarang bentuk pengaruh politik.

Bukankah, “Keadilan tidak hanya perlu dilaksanakan, namun ia perlu dilihat sebagai dilaksanakan”.

Tindakan punitif nampaknya tidak dapat memberikan kesedaran yang diharapkan kepada masyarakat secara meluas dan berterusan. Begitu juga pendekatan pendidikan yang sudah tentu menjadi tempang tanpa instrumen hukuman yang berkesan.

Usaha memerangi rasuah memerlukan ekosistem yang lengkap, yang mencakupi dan tetapi tidak terhad kepada, tindakan reaktif seperti mekanisme perundangan, serta mekanisme proaktif seperti pendidikan yang berkesan di setiap peringkat.

Pada masa yang sama, penggunaan teknologi dan sistem digital adalah jalan keluar yang boleh membantu membaik pulih keadaan.

Kalau kita lihat negara jiran, Singapura, yang merupakan negara paling berintegriti di rantau Asia menurut laporan Korupsi Asia 2017 oleh Political and Economic Risk Consultancy, republik tersebut memperkenalkan konsep kejujuran intelektual (intellectual honesty). Ini bermaksud, rakyat memainkan peranan aktif dalam menjaga integriti perkhidmatan awam dan sektor swasta.

Ia dilakukan menerusi amalan sendiri yang telus dan jujur serta menyuburkan kesediaan menegur mereka yang melakukan kesalahan integriti.

Perkara ini hanya dapat dilakukan menerusi pembudayaan integriti yang teguh dari akar umbi. Maka tidak hairanlah, menurut Indeks Persepsi Rasuah 2017, Singapura menduduki tangga ke-6 daripada 180 negara dari segi ketelusan tadbir urus.

Persoalan yang lebih kritikal sekarang adalah, apakah langkah dan strategi tegas PH yang seterusnya untuk memerangi barah integriti yang berlaku? Bersumpah di dalam Dewan Rakyat, penukaran ketua pesuruhjaya SPRM dan pelancaran pelan integriti, sudah pastinya jauh daripada mencukupi. – 29 November, 2019.

* *Muhammad Ilham Hafiz Azmi ialah pembaca The Malaysian Insight.*

Daftar atau log masuk [di sini \(https://www.themalaysianinsight.com/login\)](https://www.themalaysianinsight.com/login) untuk komen.

The screenshot displays a mobile news application interface. At the top, the title "The Malaysian Insight" is centered, with a back arrow on the right. Below the title, there are two news cards. The left card features the title "Kuantan MP Fuziah is PKR's new Wanita chief" and a sub-headline "Kuantan MP Fuziah is PKR's new Wanita chief". The text below reads: "KUANTAN MP Fuziah Salleh has been appointed PKR's Wanita chief today, the party said. PKR announced the appointment and congratulated her in a Facebook post this evening." The right card features the title "RoS again says Azmin has not applied for new party registration" and a sub-headline "RoS again says Azmin has not applied for new party registration". The text below reads: "THE Registrar of Societies (RoS) today said it has not received any application for the formation of a new political party from Mohamed Azmin Ali. RoS, in a statement, said it was making..." At the bottom left, there is a logo for "CROWDYNEWS". At the bottom right, there are two circular navigation buttons with left and right arrows, and an information icon (i) above them.